



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGGU ADNAN BIN TENGGU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PRGRAM PENYERAHAN SURAT TAWARAN KEPADA PENDUDUK  
PERUMAHAN AWAM YANG TERLIBAT DENGAN PEMBANGUNAN  
SEMULA TAMAN IKAN EMAS FASA 1**

**25 MAC 2018 (AHAD) | 10.00 PAGI**

**Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam 1Malaysia**

***(Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)***

**YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan-tuan/ Puan-puan serta hadirin  
yang dihormati sekalian,**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada hari di kawasan Perumahan Awam Taman Ikan Emas.
2. Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan terutamanya penduduk di kawasan perumahan awam Taman Ikan Emas, Perumahan Awam Sri Pulau Pinang dan Sri Melaka yang dapat hadir dalam Majlis Penyerahan Surat Tawaran kepada penduduk-penduduk yang terlibat dengan projek pembangunan semula Taman Ikan Emas Fasa 1.
3. Tidak lupa juga penghargaan saya kepada pihak pemaju iaitu Retro Highland Sdn. Bhd. di atas usaha dan komitmen mereka dalam menjayakan program ini bersama-sama dengan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL.
4. Ucapan terima kasih turut dirakam kepada YBhg. Datuk Rizalman dan pasukan serta Majlis Perwakilan Penduduk Bandar Tun Razak yang bertungkus-lumus dalam program ini.

**YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan-tuan/ Puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian,**

### **TUJUAN PROGRAM**

5. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, projek pembangunan semula perumahan awam Taman Ikan Emas termasuk kawasan perumahan lain yang terlibat seperti perumahan awam Sri Pulau Pinang, Sri Melaka dan Sri Johor di Bandar Tun Razak telah bermula pada tahun 2013 dengan penyerahan surat tawaran kepada penduduk yang terlibat. Pada ketika itu, rumah gantian yang ditawarkan hanya berkeluasan 800 kps.
6. Di atas keprihatinan pihak Kerajaan, saya telah berbincang semula dengan pihak pemaju supaya rumah baru yang disediakan dan ditawarkan kepada penduduk kelak perlulah menepati spesifikasi moden dengan kemudahan seperti surau, dewan dan taman permainan serta keluasan yang bersesuaian. Hasil daripada perbincangan dan penelitian semula tersebut, maka pihak pemaju bersetuju untuk mengubah keluasan unit yang ditawarkan dari 800 kaki persegi kepada 850 kaki persegi tanpa kos tambahan.
7. Jadi pada hari ini, kita panggil 1,638 penyewa yang akan diberikan surat tawaran baharu untuk pembelian unit gantian yang akan dibina oleh Retro Highland Sdn. Bhd. dengan harga serendah RM28 ribu seunit sahaja. Surat tawaran tersebut akan diserahkan kepada penyewa yang telah menyewa pada tahun 2013 dan sebelumnya.
8. Setiap unit yang ditawarkan ini akan mengandungi 3 bilik dan 2 bilik air dengan satu tempat letak kereta percuma setiap unit.

Untuk makluman tuan/puan, pembinaan projek bagi Fasa 1 mengandungi 3 fasa di mana kerja-kerja *piling* dan *substructure* ini telah dimulakan bagi Fasa 1B. Pihak pemaju juga telah pun menyatakan komitmen dan janjinya kepada saya bahawa pembangunan keseluruhan Fasa 1 termasuk Fasa 1A dan 1C bagi projek ini akan dapat disiapkan paling lewat Disember 2021.

**Tuan/Puan yang dihormati sekalian,**

### **KEJAYAAN PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA**

9. Projek pembangunan semula Taman Ikan Emas ini merupakan salah satu projek pembangunan semula kawasan perumahan awam di Kuala Lumpur. Terdapat beberapa projek pembangunan semula yang telah dibangunkan dengan jayanya. Program pembangunan semula ini sebenarnya merupakan antara nadi pembangunan ke arah mensejahtera rakyat selain memberi impak ekonomi yang lebih positif kepada Kuala Lumpur.
10. Program pembangunan semula ini juga merupakan satu program transformasi bandar usang yang mana kebanyakannya adalah kawasan perumahan lama dan uzur. Maka, Kerajaan berhasrat membawa sedikit keceriaan kepada Wilayah Persekutuan dan mengubah kawasan tersebut dengan menyediakan persekitaran yang lebih kondusif, selesa dan moden mengikut keperluan rakyat.
11. Antara projek pembangunan semula perumahan awam yang telah siap dibina dan menjadi penanda aras terhadap kejayaan projek-projek seumpama ini di Kuala Lumpur ialah Residensi Kerinchi di Bangsar dan Razak Mansion di Sungai Besi. Oleh itu, saya percaya, projek pembangunan semula Taman Ikan Emas dan

perumahan awam sekitarnya turut mampu dimajukan dengan jayanya hasil daripada komitmen tinggi pemaju bersama pihak Kementerian dan DBKL.

12. Oleh itu, marilah sama-sama kita memberikan sokongan terhadap projek pembangunan semula ini yang akhirnya akan dapat memberikan manfaat kepada tuan/puan bagi memiliki rumah yang lebih selesa, kawasan persekitaran yang lebih berkualiti dan teratur seterusnya meningkatkan taraf sosio dan ekonomi penduduk.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

### **PROGRAM MERAIKAN RAKYAT**

13. Untuk makluman semua, program hari ini bukan sahaja sebagai satu majlis penyerahan surat tawaran kepada yang terlibat. Apa yang lebih penting ialah ianya merupakan satu manifestasi pihak Kerajaan, pemimpin setempat serta agensi Kerajaan dalam menganjurkan program-program bagi mendekati rakyat dan bersama rakyat. Program-program sebegini saya perhatikan dapat memperlihatkan kebersamaan tanpa mengira warna kulit seterusnya memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat.
14. Saya sentiasa memaklumkan kepada pemaju-pemaju supaya sentiasa mengambil bahagian bersama Kerajaan dalam memikul tanggungjawab sosial yang melibatkan rakyat melalui program-program *corporate social responsibility* (CSR).
15. Pada hari ini misalnya, saya difahamkan pihak pemaju turut mengadakan cabutan bertuah kepada penduduk-penduduk yang terlibat dan hadiah-hadiah utama yang ditawarkan termasuklah

kereta dan motorsikal. Selain itu, terdapat juga hadiah-hadiah lain yang menarik akan menjadi milik tuan/puan sekalian. Jadi, syabas diucapkan kepada Retro Highland dalam menyediakan acara cabutan bertuah yang pastinya dapat memberi manfaat kepada penduduk dan memeriahkan lagi majlis ini.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

**PENUTUP**

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk yang dapat hadir ke program yang dianjurkan oleh Kementerian saya bersama DBKL dan pemaju.
17. Ucapan tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak pemaju di atas komitmen yang ditunjukkan dalam menjayakan majlis ini dan saya percaya projek ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana janji pihak pemaju.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**